جابتن كهاكيمن شرعية قهڠ
**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG**
Kompleks Syariah Al-Sultan Abdullah
Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR

Tel : 09-531 8666
Faks : 09-531 8747 / 8737
Web : http://jksp.pahang.gov.my/
E-mail : jksp@esyariah.gov.my

***#MajuTerusPahang #Pahang1st***

Ruj. Kami : JKSP 600-1/3/1 ( 95 )
Tarikh : 29 April 2024

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Pendaftar,

**ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PAHANG**
**BIL. 6 TAHUN 2024**

**TATACARA PERTUKARAN JENIS KES DI PERTENGAHAN PERBICARAAN**

Saya ingin menarik perhatian YA Dato'/ YA Tuan/ Tuan/ Puan kepada keputusan Muzakarah Kehakiman Jabatan Kehakiman Syariah Pahang Bil. 1 Tahun 2024 pada 17hb hingga 19hb April 2024 bersamaan 8 Syawal 1445H hingga 10 Syawal 1445H di Xcape Resort, Taman Negara, Jerantut, Pahang yang bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan pakai Arahan Amalan No. 2 Tahun 2017 dibaca bersama Arahan Amalan No. 11 Tahun 2018 dengan pindaan proses kerja seperti berikut:

i. dapatkan kelulusan Hakim Bicara untuk pertukaran kes semasa pendengaran;
ii. pendengaran kes baru dan Penghakiman terus dibuat dihadapan Hakim Bicara;
iii. mengarahkan pihak-pihak melengkapkan borang dan memfailkan kes dengan bayaran RM4.00 dan hendaklah menjana resit.
iv. membuka fail fizikal yang baru dengan nombor kes yang baru bagi tujuan rekod, penyimpanan dan carian fail; dan
v. status fail kes lama dan baru ditutup dengan status "selesai diluluskan".

Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bil. 14 Tahun 2020 adalah dibatalkan.

Arahan ini berkuat kuasa mulai 2 Mei 2024.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"Syariah Asas Keadilan"**

**(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN,** *DIMP., DSPN, SAP, PJK.***)**
Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang.



QUALITY SYSTEM SIRIM IQNet
CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008 CERT. NO. AR5404